

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan melihat sikap pelajar Tingkatan IV terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Sikap yang dikaji diukur berdasarkan kepada pernyataan-pernyataan berikut ; anda selalu mengulangkaji Pendidikan Islam di rumah, anda suka mata pelajaran Pendidikan Islam berlalu dengan cepat, anda sentiasa menunggu masa mata pelajaran Pendidikan Islam, semasa guru mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam anda membuat kerja lain dan anda seronok belajar mata pelajaran lain berbanding dengan mata pelajaran Pendidikan Islam. Kajian ini juga bertujuan melihat hubungan sikap pelajar Tingkatan IV terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dengan beberapa variabel bebas yang dipilih iaitu jantina, aliran, pencapaian mata pelajaran Pendidikan Islam dalam peperiksaan akhir tahun dan persepsi pelajar terhadap pengajaran guru Pendidikan Islam. Sampel kajian terdiri daripada 60 orang pelajar Tingkatan IV yang dipilih dari dua buah sekolah dalam daerah Sabak Bernam, Selangor Darul Ehsan. Kajian ini menggunakan kaedah 'survey'. Alat kajian yang digunakan terdiri daripada satu set soal selidik yang terdiri daripada dua bahagian. Bahagian A mengandungi butir-butir diri sampel dan bahagian B pula terdiri daripada 20 item soalan yang bertujuan mengukur sikap pelajar Tingkatan IV terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Dapatan kajian menunjukkan keseluruhan sikap pelajar adalah positif terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam. Walau bagaimanapun hasil kajian juga mendapati Pendidikan Islam bukanlah mata pelajaran yang paling diminati oleh pelajar kerana hanya 5.0 % sahaja daripada mereka yang menyatakan Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran yang paling diminati. Hasil kajian juga mendapati dalam beberapa aspek sikap tertentu, terdapat hubungan yang signifikan antara sikap pelajar terhadap mata pelajaran Pendidikan Islam dengan empat variabel bebas yang dipilih.

STUDENTS' ATTITUDE TOWARDS THE ISLAMIC EDUCATION SUBJECT IN TWO SCHOOLS

ABSTRACT

The purpose of the study was to examine the attitude of Form IV students towards the subject of Islamic Education . The attitude measured was based on the following statements : you frequently study the subject at home ; you prefer the class to end quickly ; you wait eagerly for the class to start ; you study other subject instead during the lesson and you prefer studying other subject rather than Islamic Education. The study also examined the relationship of the students' attitude with selected independent variables, which were gender, class streaming, Islamic Education performance during the final exam and students' perception towards the teaching of the subject. The sample of the study were 60 Form IV students' from two secondary schools in the district of Sabak Bernam, Selangor DE. The study used the survey technique. The research instrument used was a set of questionnaires which consists 2 parts. Part A consisted of the samples' personal information and part B consists questions for gathering information regarding the students attitude towards Islamic Education. The findings show that generally the students' attitude towards the subject of Islamic Education is positive. However, research findings also revealed that Islamic Education is not the most well-liked subject because only 5.0 % of the students stated that Islamic Education is their favourite subject. Research outcomes also found that in several aspects of attitude there is a significant relationship between students attitude towards the Islamic Education subject with the four independent variables that were chosen.